

02 AUG 1999

Ibrahim-Katak

IBRAHIM ALI ANGGAP LABEL 'RAJA KATAK' SATU PENGHORMATAN

LANGKAWI, 2 Ogos (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi UMNO Datuk Ibrahim Ali hari ini berkata beliau menganggap sebagai satu penghormatan dilabel sebagai katak oleh pelbagai pemimpin parti pembangkang jika perkataan itu dapat melegakan tekanan mereka.

"Mereka juga boleh melabel saya sebagai Raja Katak jika tidak mahu merasa tertekan tetapi saya meminta mereka supaya tidak menyerang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan tahunan Biro Bantuan Guaman di sini.

Beliau meminta mereka menghentikan serangan terhadap Dr Mahathir kerana Perdana Menteri telah banyak menyumbang kepada negara dan tidak melakukan sebarang kesalahan.

Menurutnya pemimpin parti pembangkang menggelarnya katak kerana beliau melompat daripada parti Umno kepada Parti Melayu Semangat 46 yang sudah dibubarkan dan kini kembali kepada Umno.

Ibrahim berkata bukan beliau sahaja melakukannya kerana banyak pemimpin dan anggota PAS, Gerakan malah Keadilan menukar parti.

Beliau juga berkata program pidato untuk memberi gambaran sebenar kepada rakyat mengenai beberapa isu utama termasuk ekonomi dan projek Putrajaya yang telah dijalankan sebanyak lima siri, mendapat sambutan menggalakkan.

Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Umno Menangani Fitnah berkata setakat ini jawatankuasa itu sudah merakamkan lebih 200 pita ucapan berbau fitnah dengan empat kes telah dibawa ke mahkamah dan sembilan lagi telah dilaporkan kepada polis.

Dalam ucapannya Ibrahim berkata rasa hormat kepada mahkamah perlu dipupuk bagi memastikan proses keadilan berjalan lancar dan dilaksanakan tanpa gangguan mana-mana pihak.

Ini kerana peningkatan kes menghina mahkamah sejak kebelakangan ini bukan sahaja membabitkan orang biasa malah ia turut dilakukan golongan profesional dan pengamal undang-undang.

"Yang menyedihkan, kesalahan itu membabitkan mereka yang arif dalam soal perundangan dan mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menegakkan hak serta memelihara kepentingan anak guam," katanya.

Menurutnya pengamal undang-undang sepatutnya mengambil berat kes yang dikendalikan dan pada masa yang sama mengelak diri daripada dipengaruhi emosi terutama kes yang membabitkan isu kekeluargaan.

-- BERNAMA

NH LAT MAI